

Sultan Mahmud Badaruddin II, Wira Masyarakat Palembang *Sultan Mahmud Badaruddin II, The Hero of Palembang Community*

Wan Roshazli Wan Razali
roshazli@usm.my

*Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh,
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang*

Received: 3 December 2022; Published: 16 May 2023

Cite this article (APA) as:

Wan Razali, W. R. (2023). Sultan Mahmud Badaruddin II, Wira Masyarakat Palembang. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 11(1), 32 - 45. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/165>

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan membincangkan kejayaan Sultan Mahmud Badaruddin II dalam teks *Syair Perang Menteng* dalam mempertahankan Palembang daripada dikuasai oleh Belanda. Kejayaan yang diperolehi oleh beliau dalam peperangan ini mewajarkan beliau dinobatkan sebagai wira masyarakat Palembang. Bagi memperdalamkan perbincangan berkaitan keperwiraan Sultan Mahmud Badaruddin II, makalah ini bersandarkan kepada teori wira yang diperkenalkan oleh Bowra.C (1966). Bowra meletakkan empat ciri yang harus ada pada seorang wira. Pertama wira haruslah mempunyai kekuatan fizikal yang berbeza dengan manusia di sekitarnya. Kedua, kelahiran wira dengan berlakunya peristiwa aneh. Ketiga, seorang wira harus terlibat dengan peperangan dan keempat ialah keelokan fizikal seperti rupa paras. Selain itu, konsep wira yang diutarakan oleh Shahrudin Maaruf (2014) juga diselitkan bersama. Berdasarkan empat ciri wira yang dikemukakan oleh Bowra hanya tiga ciri sahaja yang bersesuaian dengan makalah ini iaitu wira haruslah mempunyai kekuatan fizikal, kedua terlibat secara fizikal di medan peperangan dan yang terakhir ialah keelokan fizikal iaitu rupa paras. Berdasarkan analisis dilakukan membuktikan bahawa Sultan Mahmud Badaruddin II wajar di angkat sebagai wira masyarakat Palembang berdasarkan pencapaian dan kejayaan yang diperolehi.

Kata kunci: Sultan Mahmud Badaruddin II, wira, *Syair Perang Menteng*, Bowra.

ABSTRACT

This paper aimed to discuss the success of Sultan Mahmud Badaruddin II defending Palembang from being controlled by the Dutch in Syair Perang Menteng's text. His achievement in this war justified him to be crowned a hero of the Palembang community. To deepen the discussion of Sultan Mahmud Badaruddin II's heroism, this paper focuses on the theory of heroism introduced by Bowra. C (1996). Bowra lays out four characteristics that a hero should have. First, the hero must have different physical strength from the others. Second, the occurrence of a strange event during the hero's birth. Third, a hero should be involved in war and, fourth is the charm of his physical such as his appearance. Besides, the concept of a hero also expressed by Shahrudin Maaruf (2014) is added together. Based on the four characteristics of a hero presented by Bowra, there are only three characteristics that coincide with this paper: a hero must have physical strength, a hero needs to be involved physically in a war, and the last is great physical appearance. Based on the analysis, it proves that Sultan Mahmud Badaruddin II is deserved to be the hero of the Palembang community based on his achievement and success.

Keyword: Sultan Mahmud Badaruddin II, Hero, Syair Perang Menteng and Bowra.

PENGENALAN

Kedatangan kuasa Barat ke alam Nusantara pada abad ke-15 dan ke-16 dimulai dengan pelayaran orang-orang Portugis, seterusnya Belanda, Sepanyol dan Inggeris. Kehadiran kuasa asing ini telah mencetuskan konflik berpanjangan di antara kedua-dua pihak (Timur dan Barat) dan berakhir dengan peperangan. Kejatuhan empayar agung Melaka ke tangan Portugis telah memberi kejutan kepada masyarakat Melayu silam yang mempercayai tentang kekebalan status daulat yang dimiliki oleh setiap raja-raja Melayu. Kekalahan ini telah melenyapkan kepercayaan orang-orang Melayu berkaitan kehebatan daulat tersebut. Kekalahan ini turut memberi kesan kepada aspek ekonomi, politik mahupun sosial. Malah sehingga kini kekalahan masyarakat Melayu silam dalam peperangan dengan kuasa Barat menjadi satu sejarah pahit untuk diingati.

Syair Perang Menteng merupakan salah satu karya perang yang merakamkan peristiwa peperangan orang Melayu Palembang menentang kekuasaan Belanda di bawah pimpinan Idelir Muntighe manakala pihak Palembang diketuai oleh Sultan Mahmud Badaruddin II. *Syair Perang Menteng* mengisahkan perjuangan Sultan Mahmud Badaruddin II dan rakyat Palembang mempertahankan kedaulatan Palembang daripada diceroboh oleh kuasa Belanda. Selain itu, syair peperangan ini tidak hanya mengarapkan insiden peperangan sahaja, tetapi turut mengetengahkan watak utama yang berperanan sebagai individu dalam mengerakan peristiwa-peristiwa penting untuk mencapai kejayaan. Sultan Mahmud Badaruddin II, merupakan watak utama dalam penceritaan ini dan sekaligus diangkat sebagai wira perang dalam *Syair Perang Menteng*. Berdasarkan analisis yang telah dilakukan beliau bukan sahaja seorang sultan tetapi merupakan pejuang nasional dan wira bagi masyarakat Palembang berdasarkan kepada sumbangan dan kehebatan beliau dalam mengetuai peperangan menentang kuasa Belanda sehingga memperolehi kemenangan.

Kejayaan yang dicapai oleh Sultan Mahmud Badaruddin II, bukan kejayaan yang mudah sebaliknya menuntut kebijaksanaan, kecekapan, ketangkasan dan ilmu pengetahuan yang luas untuk mencapai kemenangan. Peperangan ini telah terjadi sebanyak empat kali iaitu pada tahun 1812, 1819, 1820 dan 1821 (Teuku Iskandar, 2001:465, Abdul Rahman Hj Abdullah, 2016:439). Pihak Palembang telah mencapai kemenangan sebanyak tiga kali dan serangan keempat merupakan kekalahan pihak Palembang kepada Belanda. Kekalahan ini bukanlah kerana ketidakupayaan atau kelemahan pihak Belanda tetapi kerana tipu helah yang digunakan oleh pihak Belanda. Tentera Belanda telah membuat serangan mengejut ketika tentera Palembang sedang bersahur. Serangan tersebut menjadikan kubu tentera Palembang kucar-kacir dan ramai tentera Palembang yang terkorban. Meskipun mereka kalah dalam serangan keempat tersebut Sultan Mahmud Badaruddin termasuk rakyat-rakyat Palembang yang terlibat dalam peperangan tersebut telah kalah secara bermaruah dan mereka wajar dinobatkan sebagai wira masyarakat Palembang. Justeru itu, perbincangan makalah ini menjurus kepada kemenangan Sultan Mahmud Badaruddin sahaja seperti yang terdapat dalam *Syair Perang Menteng*.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan adalah berdasarkan daripada beberapa kelompangan yang ditemui hasil penelitian terhadap kajian lepas. Kajian-kajian yang telah dilakukan secara umum bersifat menyeluruh dan berbentuk filologi serta deskriptif. Antaranya kajian yang telah dilakukan ke atas teks *Syair Perang Menteng* ialah berkaitan etnosentrisme, gerakan anti kafir dan latar sejarah. Namun kajian ke atas watak dan perwatakan Sultan Mahmud Badaruddin II sebagai wira masyarakat Palembang masih belum ditemui. Bertitik tolak daripada kelompangan ini, kajian ini dilakukan untuk mengisi kelompangan tersebut dan bertujuan menambah baik kekurangan kajian terhadap watak Sultan Mahmud Badaruddin II dan *Syair Perang Menteng*.

SOROTAN LITERATUR

Kajian terawal *Syair Perang Menteng* telah dilakukan oleh M.O. Woelders iaitu sarjana Belanda pada tahun (1975). Beliau telah melakukan kajian berbentuk filologi dan menterjemahkan syair ini kepada bahasa Melayu dan juga Belanda. Kajian yang dilakukan oleh Woelders menjerus kepada aspek sejarah dan beliau turut mengaitkan peperangan ini sebagai peperangan suci bagi masyarakat

Palembang. Selain itu, kajian berbentuk deskriptif dan struktural telah dilakukan oleh Zubir Idris dalam bukunya (2013) bertajuk *Etnosentrisme dalam Syair-syair perang Melayu-Belanda*. Zubir Idris telah memilih tiga syair peperangan dalam kajian beliau dengan berpandukan teori etnosentrisme yang diperkenalkan oleh William Graham Sumner (1911). Dapat kajian beliau telah berjaya merungkai lima ciri-ciri etnosentrisme yang terdapat dalam syair-syair perang tersebut iaitu maruah, semangat cintakan tanah air, sumpah setia raja dan rakyat, semangat patriotism dan jihad.

Seterusnya Suidat, M.Pd.I (2019) dalam tulisan beliau *Sejarah Nasional Indonesia* juga membincangkan watak Sultan Mahmud Badaruddin II. Tetapi beliau hanya membincangkan latar belakang Sultan Mahmud Badaruddin II sahaja tanpa mengaitkan watak Sultan Mahmud Badaruddin II sebagai seorang wira. Abdul Rahman Hj. Abdullah (2016) dalam penulisannya bertajuk *Gerakan Penjajahan dan Anti Penjajahan Tanah Melayu 1511-1957* menjelaskan *Syair Perang Menteng* merupakan sebuah perang suci umat Islam dengan mengaitkan penglibatan golongan haji serta kumpulan tarekat dalam perjuangan tersebut.

Teuku Iskandar (2001) tidak ketinggalan membuat ulasan mengenai *Syair Perang Menteng* dalam bukunya bertajuk *Kesusasteraan Melayu Klasik Sepanjang Abad*. Hasil daripada ulasan tersebut beliau telah merumuskan bahawa perang ini merupakan kisah penentangan orang Palembang dan golongan haji terhadap Belanda dengan berlandaskan semangat anti kafir. Hasil penelitian ini membuktikan kajian ke atas watak Sultan Mahmud Badaruddin II, sebagai wira masyarakat Palembang masih belum ditemui dan wajar dilakukan untuk mengisi kelompangan tersebut. Namun begitu, kajian-kajian yang telah dijalankan oleh para sarjana terdahulu tidak wajar dipinggirkan kerana menjadi cetus an ilham kepada pengkajian seterusnya.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan naskah *Syair Perang Menteng* terjemahan M.O. Woelders 1975. Teks *Syair Perang Menteng* dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Menurut A. Halim Ali (2019) kaedah analisis kandungan sesuai digunakan ke atas sumber data dalam bentuk teks, dokumen, buku, manuskrip dan dokumen-dokumen bertulis. Fokus diberikan kepada aspek intrinsik naskah dengan tujuan untuk menganalisis unsur keperwiraan Sultan Mahmud Badaruddin II. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji adalah dengan menganalisis teks naskah secara terperinci setiap rangkap syair yang membuktikan keperwiraan Sultan Mahmud Badaruddin II dalam setiap aksi pertempuran peperangan tersebut. Lantaran itu, kajian ini turut merungkai episod-episod peristiwa keperwiraan menerusi aspek bahasa (berdasarkan penggunaan metafora, perlambangan, retorik, serta pemilihan diksi) yang menonjolkan sosok Sultan Mahmud Badaruddin II sebagai seorang wira.

Ciri Wira dan Keperwiraan

Wira menurut *Glosari Istilah Kesusasteraan* (1988) ialah watak utama yang menjadi tumpuan dalam sebuah cereka atau drama. Wira merujuk kepada kaum lelaki, manakala wanita pula digelar wirawati. Istilah ini digunakan kepada watak-watak yang menjadi perhatian utama para pembaca dan penonton dalam sebuah karya. Bowra (1966) menjelaskan wira merupakan seorang wakil, jurucakap serta suri teladan bagi kumpulan, mahupun rakyatnya. Tambahan beliau lagi, wira tidak semata-mata seorang putera raja atau ketua tetapi mungkin juga seseorang yang tidak mempunyai kedudukan tinggi dalam masyarakat, namun telah mengorbankan begitu banyak masa menyelesaikan masalah, atau sekumpulan individu yang sanggup mengabdikan nyawa mereka mempertahankan tanah air daripada ancaman musuh. Monro S. Edmonson pula memberikan penjelasan mengenai wira seperti berikut:

“Heroes are made not born. They are man who have so captured the imagination of their peers that they become legends even before they die. They are recognized as heroes because their contemporaries have come to have standards of heroic action. A long tradition of primitive literature leads gradually to the characterological definition of the heroic role”.

(Monro S. Edmonson,1971:150)

Berdasarkan petikan di atas Edmonson menyatakan tiada seorang manusia dilahirkan sebagai seorang wira, tetapi gelaran wira telah dibina daripada tradisi masyarakat tersebut. Hal ini demikian kerana seorang wira dipercayai memiliki sikap dan sifat yang secara semula jadi berbeza dengan manusia lain. Umpamanya, wira dianugerahkan kekuatan dan aspek luar biasa yang berjaya menimbulkan perasaan takjub, gerun atau hairan manusia sekelilingnya. Wira juga dianggap sebagai manusia yang hebat sezaman dengannya dan masyarakat telah mengiktiraf beberapa syarat serta aspek perlakuan yang dianggap mempunyai ciri keperwiraan. Sekiranya tokoh tersebut berjaya memenuhi ciri-ciri dan tanggapan seluruh masyarakatnya tentang keunggulan dan kehandalan berkemungkinan tokoh tersebut akan menjadi wira bangsa.

Bowra meletakkan empat ciri yang harus ada dalam diri seorang wira pertama; wira tersebut haruslah mempunyai kekuatan yang berbeza dengan manusia di sekitarnya. Kisah-kisah kepahlawanan banyak menggambarkan watak sebagai manusia biasa, namun apa yang dilakukan oleh wira adalah melebihi kemampuan manusia biasa. Walaupun wira mempunyai kuasa sakti atau luar biasa tetapi ia hanya bersifat pelengkap sahaja pada sifat-sifat keperkasaan dan kehebatan manusiawi yang dimiliki mereka (Bowra, 1966:91). Membaca *Syair Perang Menteng* para pembaca akan menyedari bahawa Sultan Mahmud Badaruddin II, tidak dilengkapi dengan kuasa sakti (*supernatural*) seperti yang ditemui dalam kisah-kisah lipur lara tetapi sakti di sini boleh juga dikaitkan dengan status 'daulat' yang dimiliki oleh raja. 'Daulat' raja sangat sinonim dengan masyarakat Melayu silam. Orang-orang Melayu memperakui keistimewaan daulat raja itu membawa keselamatan dan perlindungan kepada mereka dalam menjalankan sesuatu tugas atau urusan raja. Selain itu konsep 'tulah' juga merupakan kepercayaan masyarakat Melayu sebagai kuasa *supernatural* yang dimiliki oleh raja-raja sebagai kutukan kepada mereka yang telah melakukan penderhakaan kepada raja. Inilah maksud kekuatan yang terdapat pada diri Sultan Mahmud Badaruddin II. Ternyata kekuatan yang diterangkan oleh Bowra adalah berbeza kerana Bowra memberi tumpuan kepada wira dalam kisah lipur lara ataupun wira karya-karya epik sedangkan Sultan Mahmud Badaruddin II adalah individu yang wujud di dunia nyata dan namanya terakam dalam catatan sejarah. Lantaran itu perbezaan pandangan telah mewujudkan keunikan dalam perbincangan berkaitan keperwiraan Sultan Mahmud Badaruddin II berdasarkan teori wira.

Ciri kedua ialah berkaitan dengan kelahiran wira tersebut. Pada kebiasaannya, wira dilahirkan secara alamiah, namun begitu sejak dari mula lagi tokoh wira ini diiktiraf sebagai seorang yang luar biasa, iaitu perkembangan fizikal dan perwatakannya tidak seperti orang lain. Kelahirannya sesuatu yang telah dijangka dan bayangan kejayaan mengiringi kelahiran tokoh wira tersebut. Setelah kelahirannya, kekuatan dan ketokohnya akan meningkat dengan pantas selari dengan perkembangan kelahiran wira tersebut. Hal ini dibuktikan melalui petikan di bawah:

Whatever a hero's birth may be, and of course it is often natural enough, he is recognized from the start as an extraordinary being whose physical development and characteristics are not those of other men. There is about him foreordained and omens of glory accompany his birth. Once born, the hero grows apace in strength and stature

(Bowra, 1966:95).

Berdasarkan pandangan ini boleh dikaitkan dengan kelahiran wira epik dalam kepercayaan masyarakat Melayu seperti Hang Tuah, yang diramal akan menjadi seorang yang hebat berbanding manusia-manusia lain melalui mimpi ayahnya iaitu Hang Mahmud (Kassim Ahmad, 1992:22). Sebaliknya wira-wira karya lipur lara boleh dilihat dengan tindak balas alam semesta ketika kelahiran para wira seperti hujan, petir dan pelbagai lagi kejadian aneh berlaku mengiringi kelahiran seorang wira. Episod ini cukup sinonim dalam teks-teks lipur lara seperti *Hikayat Raja Muda*, *Hikayat Malim Dewa*, *Hikayat Anggun CheTunggal* dan lain-lain karya lipur lara. Ciri kedua ini tidak ada pada diri Sultan Mahmud Badaruddin II, oleh itu ciri ini tidak akan dibincangkan dalam makalah ini.

Ciri ketiga ialah wira harus terlibat dalam peperangan secara fizikal. Wira harus memiliki sifat kepahlawanan yang jitu dan semangat melawan yang tinggi dan berani mengambil risiko serta mengatasi halangan dengan jayanya. Sekiranya ditakdirkan tewas, wira akan tewas secara bermaruah.

Keperkasaan yang ditonjolkan oleh tokoh wira terutama dalam peperangan dapat dirasakan oleh mereka yang terlibat dalam peperangan tersebut. Mereka dapat merasakan kehebatan tokoh wira dan tertanya-tanya siapakah tokoh tersebut (Bowra, 1966:97).

Noriah Taslim (1993) menyatakan peperangan masih lagi menjadi syarat utama seseorang itu menjadi wira. Hal ini, bermaksud wira tidak boleh dinobatkan sebagai wira sekiranya tidak teruji fizikalnya di medan perang. Tanggapan yang diberikan oleh Noriah adalah bersesuaian dengan perwatakan Sultan Mahmud Badaruddin II kerana beliau telah terlibat dalam peperangan menentang Belanda. Namun pandangan beliau berbeza dengan konsep wira yang diutarakan oleh Shahrudin Maaruf (2014), kerana bagi Shahrudin Maaruf tidak semua wira harus diuji kehebatannya di medan perang sahaja. Sebaliknya wira dinilai daripada pencapaiannya dalam perjuangan. Beliau menyatakan tiga ciri ideal wira yang sewajarnya dinilai iaitu kemuliaan dan kemurnian ideal yang diperjuangkan. Kedua; keberanian, kesungguhan, kecekalan, keazaman yang mengiringi perjuangan tersebut dan kejayaan serta pencapaian. Dapat dirumuskan bahawa wira dalam pengertian Shahrudin Maaruf bukanlah bererti harus menentang musuh secara fizikal di medan perang sahaja tetapi juga boleh dilihat daripada perjuangan sebenar yang hendak dicapai oleh watak utama tersebut. Contoh individu yang diangkat sebagai wira oleh Shahrudin Maaruf ialah Jose Rizal, Sukarno dan watak-watak yang diberikan oleh beliau adalah manusia yang berpijak di bumi nyata. Bukan bersifat lagenda atau tidak dipastikan kewujudannya.

Manakala Ismail Hamid (1983), menjelaskan bahawa konsep kepahlawanan dalam Islam bukan hanya terletak kepada tangkas dan hebat di medan perang sahaja, tetapi turut memainkan peranan penting dalam melaksanakan tuntutan-tuntutan agama Islam. Penjelasan oleh Ismail Hamid adalah bertepatan dengan peribadi Sultan Mahmud Badaruddin II kerana peperangan yang dilakukan oleh beliau adalah peperangan jihad iaitu mempertahankan agama Islam. Wira atau pahlawan Islam yang menerima panduan daripada Allah S.W.T memiliki keberanian dan kuasa (hikmat) yang cukup luar biasa sekiranya dibandingkan dengan manusia lainnya. Menurut Bowra lagi, selain aspek kekuatan, kehebatan, ketangkasan serta kelahiran keelokan fizikal seperti paras rupa merupakan salah satu ciri yang melengkapi perwatakan seorang wira. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah;

“The hero possesses those gift of body and character which bring success in action and are admired for that reason. He may be strong or swift or enduring or resourceful or eloquent. A hero differs from other men by his peculiar force and energy”.

(Bowra, 1966:97).

Berdasarkan pernyataan ini, identiti seorang wira bukan sahaja terletak kepada kekuatan fizikalnya sahaja namun juga kekuatan mental dan hati bagi menggambarkan seorang yang berani, bijaksana, pintar, positif dan berwawasan. Setiap karya kesusasteraan Melayu, kewujudan seorang wira lazimnya terdiri daripada raja, anak-anak raja dan keturunan yang kadangkala dikaitkan langsung dengan keturunan dewa, dewi, raja dan bangsawan yang hebat. Walaupun *Syair Perang Menteng* tidak menzahirkan paras rupa Sultan Mahmaud Badaruddin II seperti karya-karya epik atau lipur lara tetapi Sultan Mahmud Badaruddin II mempunyai kekuatan mental dan hati, berani bijaksana, pintar, positif dan berpandangan jauh dalam menghadapi serangan Belanda. Selain daripada empat ciri yang diperkatakan oleh Bowra seorang wira haruslah bijaksana tanpa kebijaksanaan bagaimana wira mampu bertindak dalam mengatur strategi peperangan dan menyelesaikan masalah yang dihadapinya? Kehebatan tanpa kebijaksanaan belum mampu menjamin kejayaan. Seharusnya kebijaksanaan menjadi syarat utama seorang wira dan diiringi dengan ciri-ciri lain.

Di samping itu juga, wira mempunyai tanggungjawab melindungi keselamatan rakyat dan kedaulatan negara atau pemerintah. Dengan erti kata lain, wira dianggap sebagai ketua dan penyelamat yang akan muncul dalam situasi cemas pada bila-bila masa sahaja. Wira sering dikaitkan dengan individu yang menyelamatkan orang lain, menegakkan kebenaran, menghapuskan kekejaman dan meruntuhkan kerajaan atau pemerintah yang zalim (Lash, 1995:6). Wira dilengkapi dengan pelbagai sifat bagi mengukuhkan kedudukan dan peranannya sesuai dengan gelarannya. Wira merupakan tempat bagi masyarakat bergantung harap terutama daripada aspek keselamatan serta

ancaman musuh. Dalam masa yang sama wira juga bertanggungjawab dalam mendaulatkan agama, bangsa dan negara. Sesuai dengan peranan yang dimainkan oleh seorang sultan iaitu tempat yang lemah mencari keadilan apabila dizalimi seperti yang dinyatakan oleh Syed Husin Ali, (2014:15-16), masyarakat Melayu silam berpegang kepada konsep raja sebagai bayangan Allah di bumi. Akan tetapi, yang sering dilupakan ialah selain merupakan bayangan Allah di muka bumi raja juga dianggap sebagai 'tempat yang lemah mencari perlindungan dan tempat orang teraniaya mendapat pembelaan'. Inilah peranan utama yang telah dijalankan oleh Sultan Mahmud Badaruddin II sebagai seorang pemerintah dan juga wira.

Berdasarkan keempat-empat ciri yang dikemukakan oleh Bowra hanya tiga ciri sahaja yang bertepatan dengan perwatakan Sultan Mahmud Badaruddin II iaitu wira tersebut haruslah mempunyai kekuatan yang berbeza dengan manusia di sekelilingnya, kedua; wira harus terlibat dengan peperangan dan yang terakhir; keelokan fizikal dalam makalah ini ditumpukan ialah kecerdasan akal fikiran yang dimiliki oleh Sultan Mahmud Badaruddin II.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Sultan Mahmud Badaruddin II, merupakan Sultan Palembang ketujuh dan telah memerintah Palembang bermula 1803-1821 iaitu selama 18 tahun. Penemuan bijih timah di Pulau Bangka pada abad ke-18 telah menarik minat kuasa-kuasa asing iaitu Inggeris dan Belanda untuk mendapatkan hak perdagangan tersebut. Konflik di antara Palembang dan Belanda bermula, setelah Konvensi London pada 13 Ogos 1814 dibentuk akibat kekalahan Napoleon di Belanda. Kesan daripada kekalahan ini Belanda telah menjadi negara merdeka setelah sekian lama dijajah Perancis. Kekalahan ini mengkehendaki Inggeris menyerahkan Indonesia kepada Belanda termasuk semua jajahan takluk Inggeris dari seberang laut termasuk Pulau Bangka manakala Belanda perlu menyerahkan Cochcin di India kepada Inggeris sebagai pertukaran (Hanafiah, 1989:72). Konvensi ini ditentang oleh Sultan Mahmud Badaruddin II kerana beliau menegsakan bahawa Palembang telah bebas sepenuhnya daripada kekuasaan Belanda mahu pun Inggeris. Kembalinya kuasa Belanda di Palembang menimbulkan perasaan tidak senang dalam diri rakyat Palembang.

Penduduk Palembang telah melakukan serangan ke atas tentera Belanda yang berada di pedalaman Sungai Rawas. Sultan Mahmud Badaruddin II dituduh mengarahkan serangan tersebut dan sebagai ganti rugi Sultan Mahmud Badaruddin II, diminta untuk menyerahkan Pangeran Ratu (Putera Mahkota Palembang) kepada Belanda tetapi ditolak. Konflik di antara kedua-dua pihak semakin tegang apabila pegawai peribadi Sultan Mahmud Badaruddin II telah ditembak oleh tentera Belanda dan Sultan telah meminta keadilan tetapi ditolak oleh pihak Belanda. Pertelingkahan ini mencapai kemuncaknya apabila tentera Palembang telah menyerang tentera Belanda yang sedang membuat intipan di istana Palembang. Insiden ini telah menyebabkan pecahnya peperangan antara kedua-dua pihak (Dahlan, 1984:7).

Panglima Perang Terulung

Sultan Mahmud Badaruddin II bukan sahaja seorang ketua negara tetapi beliau juga merupakan panglima perang yang berkaliber di medan perang. Gabungan kebijaksanaan dan kehebatan ini menjadi strategi peperangan yang diatur oleh beliau sangat mantap, teratur dan terancang disamping strategi rahsia tersendiri. Sultan Mahmud Badaruddin II telah mengarahkan kesemua rakyatnya supaya berkumpul dan bersama-sama menyusun strategi untuk menyerang musuh mereka. Arahan ini dapat dilihat dalam rangkap di bawah:

Titah Paduka Duli Yang Mulia
Kumpulkan rakyat suruhlah sedia
Dengan kurnia Tuhan Yang Kaya
Kapal Menteng kita perdaya

(*Syair Perang Menteng*, 1975:194).

Berdasarkan rangkap di atas, Sultan Mahmud Badaruddin II telah mengarahkan kesemua para angkatan tentera Palembang untuk bersiap sedia menghadapi tentera Belanda. Susunan terawal strategi ini memperlihatkan baginda mempunyai strategi tersendiri dengan tidak bertindak terburu-buru sebaliknya menyuruh rakyatnya membuat persiapan bukan sahaja daripada aspek fizikal dan mental tetapi juga rohani. Kekuatan rohani merupakan strategi utama yang harus dibangunkan dalam jiwa tentera-tentera yang hendak berperang sekiranya rohani tidak kuat menyebabkan mereka merasa tidak yakin dan bersemangat untuk berperang. Lantaran itu Sultan Mahmud Badaruddin II telah mengarahkan kesemua para pendekar Palembang untuk bersama-sama membaca zikir. Hal ini diungkapkan dalam *Syair Perang Menteng* seperti berikut:

Delapanbelas harinya Sabtu
Bulan Syaban ketika waktu
Pukul empat jamnya itu
Haji berzikir di pamarakan tertentu.

La ilaha illa Illahu dipalukan ke kiri
Kepada hati nama sanubari
Datanglah opsir meriksa berdiri
Haji berangkat opsir pun lari.

(*Syair Perang Menteng*, 1975:195).

Berdasarkan rangkap syair di atas memperlihatkan suasana persiapan awal tentera Palembang untuk menghadapi peperangan. Bacaan zikir perang di jadikan sebagai benteng pertahanan dan kekuatan dalaman oleh pendekar Palembang sebagai salah satu strategi peperangan berbentuk dalaman. Mereka beramai-ramai beratib dan membaca lafaz zikir. Perkataan "Hu Allah" akan dibaca dengan suara lantang dan keras kerana percaya kuasa ghaib akan mendampingi mereka dan menjadikan mereka lebih bersemangat dan berani dan tidak 'lut' dimakan oleh sebarang senjata. Atas dasar kepercayaan ini masyarakat-masyarakat Palembang telah menyerang tentera Belanda tanpa sedikit rasa takut dan gentar. Berdasarkan amalan zikir ini membuktikan masyarakat Palembang telah mengamalkan tarekat iaitu satu pegangan atau ajaran khusus yang dipelajari untuk mewujudkan pertalian batin dengan kuasa ghaib.

Menurut Bruinessen Martin Van (2018:193) tarekat tersebut dikenali sebagai Tarekat Sammaniyah merupakan tarekat pertama di Asia Tenggara yang mempunyai cukup ramai pengikut. Pengaruh Tarekat Sammaniyah dapat dilihat dengan jelas dalam syair perang ini apabila mereka berzikir dengan sepenuh hati ketika berzikir. Para haji memainkan peranan penting dan mengetuai bacaan zikir tersebut malah Sultan Mahmud Badaruddin II merupakan penaung kepada ajaran tarekat ini yang berpusat di Jedah. Para haji, pada ketika itu tidak memainkan peranan sebagai penentang penguasa tempatan tetapi sangat dihormati oleh para raja dan penduduk tempatan. Mereka dikagumi serta digeruni kerana dipercayai mempunyai kekuatan magis sehinggakan ada dalam kalangan mereka dianggap sebagai wali Allah. Namun keadaan ini berubah pada abad ke-19, apabila kekuasaan kolonial mula bertapak di alam Nusantara dan menyebabkan kerajaan tempatan mula kehilangan kemerdekaan. Situasi ini menyebabkan para haji mula memainkan peranan dalam setiap perjuangan menentang kuasa asing ini. Pengarang telah mengaitkan pengaruh Tarekat Sammaniyah ini sebagai benteng pertahanan atau upacara suci dibawah pimpinan Sultan Mahmud Badaruddin II (Abdul Rahman Haji Abdullah, 2016:439). Inilah salah satu ciri- khusus seorang wira yang tidak hanya bergantung kepada kekuatan fizikal sahaja tetapi Sultan Mahmud Badaruddin II juga mempunyai kekuatan dalam dirinya dari aspek rohani.

Oleh itu peristiwa ini membuktikan bahawa Sultan Mahmud Badaruddin II bukan sahaja seorang sultan tetapi merupakan panglima perang yang berwibawa kerana beliau tidak hanya memfokuskan terhadap strategi peperangan secara fizikal sahaja tetapi perjuangan tersebut di dasari kepada kerohanian yang jitu yang harus ada dalam jiwa tentera-tentera Palembang sebagai seorang Islam. Perjuangan baginda juga berlandaskan atas nama Islam hal ini boleh dilihat apabila beliau

mengungkapkan perkataan “dengan kurnia Tuhan Yang Kaya” bermakna di setiap strategi peperangan yang diatitkan oleh beliau adalah bersandarkan dengan izin Allah S.W.T.

Jika ditelusuri latar belakang Sultan Mahmud Badaruddin II membuktikan bahawa beliau bukan sahaja layak digelar sebagai seorang sultan sahaja tetapi beliau juga adalah seorang, hafiz (penghafaz Al-Quran), ulama, menjadi imam memimpin rakyatnya bersolat, malah beliau pernah menuntut ilmu agama di Mekah sebelum menaiki takhta Palembang. Dari sudut akademik beliau adalah seorang sasterawan dan pujangga istana terbilang serta dapat menguasai bahasa, Arab, Inggeris dan Portugis dengan begitu baik (Hasanuddin Yusof, t.t:254). Justeru itu amat wajar Sultan Mahmud Badaruddin II digelar sebagai wira masyarakat Palembang kerana kehebatan beliau bukan sahaja dalam aspek pemerintahan dan peperangan tetapi mempunyai ilmu pengetahuan yang sangat luas sama ada dalam ilmu dunia dan akhirat. Inilah membezakan keperwiraan beliau dengan wira-wira epik, lagenda serta lipur lara. Hal ini kerana hasil-hasil penulisan Sultan Mahmud Badaruddin II masih lagi dapat dinikmati oleh generasi masyarakat kini.

Selain, kekuatan, ketangkasan, kebijaksanaan wira juga harus mempunyai karisma tersendiri iaitu mampu membangkitkan perasaan kagum, hairan, takjub dan gerun dalam diri orang lain pada dirinya. Hal ini merupakan ciri-ciri yang harus ada dalam diri seorang wira seperti yang dijelaskan oleh Bowra (1966:91) ‘*He awakes admiration primarily because he has in rich abundance qualities which other men have to a much less extent*’ Perasaan kagum dan takjub para musuh terhadap keperibadian Sultan Mahmud Badaruddin II dapat dijelaskan dalam dua rangkap syair di bawah:

Kepada selikur hari Selasa
Pukul tujuh ketika masa
Baginda membedil sangat perkasa
Kapal Menteng rusak binasa

(*Syair Perang Menteng, 1975::201*).

Berkata pula Kornel Bakar
Perang kita terlalu sukar
Sultan Ratu sangat pendekar
Akhirnya kita jadi belukar

(*Syair Perang Menteng, 1975::203*).

Pernyataan di atas membenarkan lagi kehebatan Sultan Mahmud Badaruddin II sebagai seorang wira, kehebatan beliau bukan hanya dirasai oleh pihak lawan tetapi juga oleh seluruh masyarakat Palembang.

Kebijaksanaan Sultan Mahmud Badaruddin II

Bagi mencapai kemenangan dalam peperangan, bukan hanya bersandarkan kepada kekuatan fizikal dan logistik sahaja tetapi juga harus menggunakan kekuatan akal fikiran serta mempunyai pengetahuan yang luas dalam peperangan. Sultan Mahmud Badaruddin II bukan hanya seorang yang bijaksana tetapi berpengetahuan luas dalam strategi peperangan. Kelebihan menuntut di ilmu Mekah menjadi satu batu loncatan kepada Sultan Mahmud Badaruddin II untuk mencontoh kepimpinan Nabi Muhammad dalam dunia peperangan. Beliau telah mengikuti strategi peperangan seperti yang telah dilakukan oleh Rasulullah dengan mengali parit seperti peristiwa Peperangan Khandak.:

Seri Paduka bertitah serta
Menyuruh membaiki alat senjata
Benteng dan parit sekalian rata
Istimewa pula loteng dan kota.

Telah demikian titah Syah Alam
Bekerjalah orang siang dan malam
Benteng dan Parit sangatlah dalam
Tempat menahan kafir yang kelam

(*Syair Perang Menteng*, 1975:219).

Strategi ini telah berjaya memberi kemenangan dan keuntungan kepada pihak Palembang. Strategi seperti ini juga dikenali sebagai strategi ekonomik kerana berjaya menjimatkan tenaga manusia dan nyawa tentera dengan semaksima mungkin. Kebijaksanaan berperanan penting dalam pertempuran kerana melalui strategi sebegini dapat mencapai faedah yang semaksimanya (Rahman, Afzalur, 1980:214-219). Kebijaksanaan sebagai salah satu strategi peperangan yang dipaparkan dalam syair ini telah berjaya menolak pandangan yang dikemukakan oleh Hurbert C Johson. Beliau menyatakan:

“Tactis consist of the planning for the use of troops and weapon to achieve victory in battle” (Hurbert C Johson. (1989:761).

Beliau berpendapat kemenangan dalam peperangan hanya dapat dicapai dengan kekuatan tentera dan senjata sahaja tanpa bergantung kepada faktor-faktor lain. Melalui strategi peperangan berkaitan akal fikiran yang digunakan oleh Sultan Mahmud Badaruddin II, telah berjaya membuktikan tipu helah dan kecerdasan akal fikiran merupakan salah satu strategi berkesan dalam memenangi peperangan dan bukan hanya bergantung kepada jumlah atau kekuatan tenaga tentera atau alatan senjata sahaja. Walaupun berhadapan dengan situasi getir baginda masih mampu membuat muslihat untuk mengelirukan pihak musuh. Kebijaksanaan Sultan Mahmud Badaruddin II membuktikan betapa terancangnya strategi peperangan yang diatitkan oleh beliau. Tipu helah sebagai salah satu strategi peperangan juga diakui oleh Louis Leonard Wright (1970) sebagai *“war as the condition of those contending by force such as”* yang bermaksud peperangan adalah situasi kekerasan termasuk tipu helah. Kebijaksanaan Sultan Mahmud Badaruddin II dan ditambah pula dengan pengalaman serta pendidikan beliau yang luas telah memantapkan lagi strategi peperangan tentera Palembang, tanpa pengetahuan dan ilmu yang luas tidak mungkin pihak Palembang mampu menumbangkan pihak Belanda yang diketahui bukan angkatan perang yang boleh dipandang rendah kerana mereka sering terlibat dengan peperangan besar dengan kuasa-kuasa Eropah lain. Justeru itu, kebijaksanaan, ketangkasan serta pengalaman luas merupakan salah satu ciri-ciri yang harus ada dalam diri individu untuk bergelar wira. Bukan hanya bergantung kepada kekuatan fizikal atau unsur-unsur magis sahaja.

Kepelbagaian Serangan

Keunggulan Sultan Mahmud Badaruddin II sebagai panglima perang boleh disaksikan melalui kepelbagaian serangan yang diarahkan kepada pihak musuh. Beliau telah mengarahkan kesemua tentera-tentera Palembang melakukan serangan mengejut dan hendap ke arah musuh. Kebijaksanaan Sultan Mahmud Badaruddin II dapat dilihat dengan jelas apabila beliau memanfaatkan keadaan geografi Palembang sebagai tempat persembunyian para tentera Palembang untuk melakukan serangan kepada pihak lawan mereka iaitu Belanda. Muka bumi Palembang yang mempunyai sungai, teluk, bukit dan hutan merupakan tempat persembunyian yang cukup strategik untuk mereka melakukan serangan. Serangan-serangan yang diarahkan oleh Sultan Mahmud Badaruddin II secara jelas dapat disaksikan melalui rangkap-rangkap syair di bawah;

Titah Baginda Duli Syeh Alam
Kepada menteri Wazir al-alam
Pagi-pagi hari waktu yang kelam
Bedil kapalnya supaya tenggelam

(*Syair Perang Menteng*, 1975:200).

Di Pulau Bayak kapal berhenti
Orang di hutan sudah menanti
Dibedil orang sahajakan pasti
Serdadu Holanda banyaklah mati

(*Syair Perang Menteng*, 1975:218).

Sultan Mahmud Badaruddin II turut mengatur strategi dengan membuat serangan daripada pelbagai penjuru seperti melakukan serangan daripada laut, darat, hutan dan juga dari atas kota. Sultan Mahmud Badaruddin II, turut menempatkan panglima perangnya di setiap benteng pertahanan utama bagi memudahkan mereka mematahkan serangan daripada pihak musuh. Beliau juga seorang yang teliti dalam memilih panglima perang yang ditugaskan menjaga benteng-benteng pertahanan utama. Ketelitian beliau dapat diperhalusi melalui huraian dan juga rangkap-rangkap syair yang dikutip;

Wirasentika Pangeran bernama
Puteranya Pangeran Wirakesuma
Sikapnya bagai Maharaja Boma
Bertahan di Pulau Mangutama

(*Syair Perang Menteng*, 1975:214).

Adalah benteng Pangeran Bupati
Martapura namanya pasti
Jika dipandang diamat-amati
Patutlah buatan raja yang sakti

Benteng Pangeran Dipati Muda
Dekat benteng paduka kakanda
Lengkap alat sekalian ada
Akan menahan kafir Holanda

Tiga rangkap syair di atas menjelaskan ketua-ketua perang telah di arahkan menjaga dan mengawasi benteng pertahanan mereka. Pangeran Wirasentika telah ditugaskan mengawasi benteng Pulau Mangutama yang terletak di hilir dan bersebelahan dengan benteng Pulau Kembaro, merupakan benteng sokongan kepada benteng-benteng pertahanan lain. Pangeran Adipati Muda ditugaskan mengawasi dan melakukan serangan dari benteng Martapura yang bersebelahan dengan benteng Tambakbaya yang diawasi dengan ketat oleh Pangeran Kramadiraja dan Pangeran Ratu sebagai ketua perang di situ kerana benteng ini merupakan benteng yang berada di tengah-tengah perairan dan terbuka dan memudahkan musuh menyerang sekiranya tidak di awasi dengan rapi.

Di Tambakbaya tempat dikerja
Benteng Pangeran Kramadiraja
Beriringan Pangeran Puspadiraja
Sikap mejelis dipandang durja.

Di Pulau Kemaro tempatnya jaga
Benteng Pangeran Kramadilaga
Siang dan malam nafsunya dahaga
Hendak berperang pikirnya juga

(*Syair Perang Menteng*, 1975:220).

Benteng Pulau Kemaro merupakan benteng pertahanan paling hujung dan kedudukannya mengapung di Sungai Musi. Benteng Pulau Kemaro merupakan benteng pertahanan utama kerana menjadi penghubung kepada semua benteng- benteng pertahanan. Selain itu, memudahkan isyarat komunikasi sekiranya benteng-benteng pertahanan tersebut diserang. Apabila tentera Belanda ini memasuki perairan Palembang kesemua tentera dan panglima yang mengawasi di setiap benteng pertahanan akan mula melakukan serangan ke atas kapal-kapal Belanda dari setiap arah dan ini menyukarkan tentera Belanda untuk membalas kembali serangan tersebut. Tidak hanya serangan dari atas kota dan perairan sahaja, Sultan Mahmud Badaruddin II juga mengarahkan tenteranya melakukan serangan dari hutan dan juga darat;

Suhunan bertitah kepada Sultan
Meriam bawalah ke dalam hutan
Menteng itu seperti syaitan
Orang bersembunyi jangan kelihatan

(Syair Perang Menteng, 1975:217).

Semua kapal habis larat
Di selat jaran membuang pendarat
Dibedil orang dari darat.
Bunyinya bagai gelombang barat

(Syair Perang Menteng, 1975:219).

Strategi serangan mengejut sangat ampuh dan berkesan kerana serangan-serangan mengejut ini berjaya menjadikan pertahanan para musuh mereka kucar kacir dan ramai dalam kalangan tentera Belanda terkoban dan cedera. Serangan mengejut bukan bertujuan untuk menyerang secara fizikal tetapi juga bertujuan melemahkan psikologi musuh. Psikologi sangat penting dalam peperangan sekiranya psikologi para tentera lemah akan memudahkan mereka dikalahkan;

Hilirlah kapal berperi-peri
Haluan menuju kuala negeri
Setengah rakyatnya habis lari
Entah ke mana membawa diri

(Syair Perang Menteng, 1975:221).

Ketelitian Sultan Mahmud Badaruddin II merangka strategi peperangan ternyata memberi kemenangan yang cukup berharga kepada pihak Palembang. Sekiranya baginda bukan seorang yang teliti dan bijaksana sudah pastilah sukar untuk menumbangkan pihak lawan. Hal ini kerana angkatan perang Belanda bukanlah angkatan perang yang mudah untuk ditumpaskan jika tidak pengarang tidak akan menceritakan peperangan ini mengambil masa berhari-hari ataupun berbulan-bulan untuk ditumpaskan. Sekiranya corak pertahanan longgar sudah pastilah serangan antara kedua-dua pihak ini tidak digambarkan berulang dalam syair ini. Kebijaksanaan serta ketangkasan Sultan Mahmud Badaruddin II berjaya membuktikan beliau adalah seorang wira masyarakatnya.

Mencontohi Kepimpinan Rasulullah.

Selain menggunakan strategi tipu helah, baginda juga menerapkan etika dan adab dalam peperangan. Hal ini dapat dijelaskan melalui tindakan Menteng yang bertindak meminta tempoh tangguh selama tiga hari daripada Sultan Mahmud Badaruddin II. Secara jelasnya beliau telah mengikuti ajaran Rasulullah ketika berperang. Rasulullah telah mengharamkan menumpahkan darah orang-orang yang tidak berdaya atau lemah seperti orang tua, wanita dan kanak-kanak serta orang yang meminta perdamaian atau gencatan senjata. Hal ini dibuktikan dalam episode Idelir Muntighe telah meminta

perdamaian atau gencatan senjata dengan pihak Palembang dan permintaan ini dipersetujui oleh Sultan Mahmud Badaruddin II seperti dalam rangkap di bawah;

Telah sampai ke dalam puri
Berdapatlah Baginda di balai seri
Khidmat menyembah sepuluh jari
Menteng bertangguh tiga hari

Telah didengar Seri Paduka
Merah pada warnanya muka
Lalu bertitah dengan seketika
Berilah tempoh kafir celaka

(*Syair Perang Menteng, 1975:200*).

Disembahkan kepada raja budiman
Bunyi suratnya minta aman
Suhunan mendengar tiadalah nyaman
Menteng menjalankan tipu siluman

Dibalas surat bunyi baiklah
Apa juga dengan perintah Allah
Jika hendak damai kapal keluarlah
Jika tak mau baik langgarlah

(*Syair Perang Menteng, 1975:219*).

Etika berkaitan peperangan telah ditegaskan oleh Allah dalam *Surah al-Maaidah*, (ayat 8) Allah telah berfirman:

‘Wahai orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan janganlah kemarahan kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu untuk tidak berlaku adil’.

Berdasarkan petikan *Surah al-Maaidah* di atas dengan jelas menegaskan bahawa Islam bukan sahaja berkaitan agama sahaja tetapi juga berkaitan dengan adab iaitu etika dalam kehidupan termasuk keadilan dalam peperangan. Hal ini, kerana keadilan dan contoh tauladan yang baik merupakan salah satu adab yang mesti ada dalam diri individu yang bergelar muslim. Dari sudut ini pengarang memperlihatkan kepada para pembaca bahawa Sultan Mahmud Badaruddin II, merupakan seorang sultan yang adil bukan sahaja kepada rakyat tetapi juga kepada musuh dan keadilan merupakan ciri penting yang harus ada dalam diri seorang wira. Sekiranya wira tidak berlaku adil mereka telah menentang konsep wira iaitu meruntuhkan kezaliman dan memperjuangkan keadilan.

Hal ini bersesuaian dengan pandangan yang diberikan oleh Bowra iaitu wira haruslah mempunyai kepimpinan yang baik kepada rakyatnya. Wira juga haruslah seorang yang sanggup mengorbankan segala-galanya untuk menyelesaikan krisis, dan sanggup menggadaikan nyawanya untuk mempertahankan tanah airnya daripada ancaman musuh “*person who shows their worth when their country is in peril*” (Bowra, 1966:112). Pandangan ini secara jelas dapat disaksikan dalam jiwa Sultan Mahmud Badaruddin II iaitu seorang pemimpin yang berusaha keras menyelesaikan konflik dengan Belanda.

Berdasarkan adab peperangan dalam teks *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* ada menyebut tentang etika atau tata cara berperang. Berdasarkan penulisan ini peperangan merupakan jalan terakhir yang harus dilakukan sekiranya tiada jalan penyelesaian yang dapat dicapai untuk menyelesaikan konflik. Sebanyak 100 syarat peperangan yang ditulis adalah memberi penjustifikasian untuk

menghindari peperangan kerana peperangan membawa kepada kesengsaraan dan kemusnahan. Seandainya 100 syarat tersebut masih belum mampu lagi menghindari perang maka raja haruslah berpegang kepada syarat ke-101, iaitu berperang hingga ke titisan darah terakhir (Jelani Harun, 2017:30). Oleh itu, berdasarkan penjelasan ini Sultan Mahmud Badaruddin II telah mengambil kaedah terakhir iaitu berperang.

Keperwiraan Sultan Mahmud Badaruddin II tidak hanya terhenti dalam teks *Syair Perang Menteng* sahaja tetapi keperwiraan beliau mampu menjadi inspirasi kepada generasi kini dalam mempertahankan kedaulatan tanah air dan inilah salah satu ciri-ciri yang harus ada pada wira yang bukan hanya digemburkan dalam teks sahaja tetapi dapat diterapkan serta menjadi contoh kepada generasi seterusnya. Oleh itu, tiga ciri wira berdasarkan pandangan yang diutarakan oleh Shahrudin Maaruf (2014:9) seperti mempunyai sifat dan kemurnian ideal yang diperjuangkan, keberanian dan kesungguhan, kecekalan dan keazaman yang mengiringi perjuangan tersebut dan kejayaan dan pencapaian wira tersebut adalah tepat sekali dengan ciri-cira wira yang terdapat dalam diri Sultan Mahmud Badaruddin II. Paling utama peperangan ini ialah mempertahankan agama Islam. Dalam fahaman orang Melayu raja dan agama adalah satu mempertahankan tanah air dan raja beerti sama mempertahankan agama Islam. Kejayaan beliau mematahkan serangan pihak Belanda sebanyak tiga kali merupakan satu pencapaian membanggakan sebagai seorang wira yang hidup pada zamannya secara realiti.

RUMUSAN

Usaha keras Sultan Mahmud Badaruddin mempertahankan Palembang daripada dijajah wajar dijadikan contoh oleh generasi masa kini. Kejayaan-kejayaan yang diperolehi oleh beliau membuktikan kepada masyarakat kini beliau wajar digelar sebagai wira masyarakatnya. Hal ini kerana seorang wira sanggup berkoban apa sahaja untuk mencapai kejayaan terutama berkaitan tanah air dan keselamatan masyarakat serta agama, meskipun nyawa menjadi taruhan. Walaupun pada siri peperangan keempat, baginda telah berjaya ditewaskan namun kekalahan tersebut bukanlah kekalahan yang mudah atau tidak bemarkah. Akhirnya pada 1 Julai 1821, secara rasminya Belanda menakluki Palembang. Sultan Mahmud Badaruddin II dan keluarganya telah ditangkap serta dibuang ke Ternate dan baginda telah mangkat pada 26 September 1852. Namun perjuangan beliau tidak sia-sia kerana kerajaan Indonesia telah mengiktiraf Sultan Mahmud Badaruddin II sebagai salah seorang wira dan pahlawan negara. Nama baginda diabadikan pada lapangan terbang antarabangsa Palembang. Masjid agung dan muzium di Palembang, serta ilustrasi wajah baginda turut dicetak pada wang kertas 10,000, Rupiah Indonesia.

RUJUKAN

- A. Halim Ali (2019), *Pengetahuan Asas Penyelidikan Dalam Kesusasteraan Melayu*. Klang:MZU Publications.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. (2016). *Gerakan Penjajahan dan Anti Penjajahan Tanah Melayu 1511-1957*. Selangor: Grup Buku Karangkrif Sdn. Bhd dan Inspirasi Media.
- Bowra, C. (1966). *Heroic Poetry*. New York: St Martin's Press.
- Bruinessen Van Martin. (2018). *Islam di Nusantara: Kitab Kuning Pesantren dan Tarekat*. Selangor: IBDE Ilham Sdn. Bhd.
- Hasanuddin Yusof. (t.t). *Sultan-sultan Soleh Di Nusantara*. Selangor: AlHijrah Production.
- HY. H A Dahlan dkk. (1984). *Sejarah Perjuangan Sultan Mahmud Badaruddin II*. Sumatera Selatan: Pemerintah Provinsi Daerah TK.I.
- Jelani Harun. (2017). *Siri Syarahan Umum Pelantikan Profesor Karya Agung dan Politik Kenegaraan Melayu*. Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.
- Johnson, Hubert C. (1989). "Strategies and Tactics of Warfare" dalam *Encyclopedia of Violence, Peace and Conflict Volume 3*. New York: Academic Press.
- Rahman, Afzalur. (1980). *Ensiklopedia Sirah. (Jilid 1)*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- R.H.M, Arkib. (1979). *Sejarah Perjuangan Sri Sultan Mahmoed Baderedin II Palembang*. Department Pendidikan dan Kebudayaan, Proyek Penerbitan Buku Sastra Indonesia dan Daerah.
- Sastri Sunarti. (2003). 'Kejayaan yang Hilang: Sastra Melayu Palembang' dalam Dendy Sugano, Edward Djamris, Abdul Halim W.M. Tasai, S. Amran. (eds). (2003). *Adab dan Adat: Refleksi Sastra Nusantara*: Jakarta. Pusat Bahasa Departmen Pendidikan Nasional Jakarta.
- Shaharuddin Maaruf. (2014). *Konsep Wira dalam Masyarakat Melayu*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Deveploment centre.
- Suidat, M.Pd.I. (2019). *Sejarah Nasional Indonesia*. Jawa Barat. Yayasan Pendidikan Islam AT-Taqwa Depok.
- Teuku Iskandar. (2001). *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*. Brunei: Jabatan Kesusasteraan Melayu Universiti Brunei Darussalam.
- Woelders, M.O. (1975). *Het Sultanat Palembang 1811-1825*. S. Gravenhage: B.V. Neerlandsche Boek.
- Wright, Louis Leonard. (1970). *A Study of War*. London: The University of Chicago Press.
- Zubir Idris. (2013). *Etnosentrisme dalam Syair-syair Perang Melayu Belanda*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.